

TNB

Sumbang

Kepakaran

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menandatangani memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan TNB Generation Sdn. Bhd. pada 19 Ogos yang lalu. Hubungan kerjasama ini akan membolehkan UPM melalui University Garden Centre, Fakulti Rekabentuk dan Senibina memberikan pelbagai sumbangan termasuk kepakaran perunding dalam Seni Bina Lanskap, kursus-kursus pendek lanskap serta pelaksanaan dan penyenggaraan kerja-kerja lanskap kepada pelbagai pihak yang memerlukannya.

Berucap di majlis menandatangani MoU itu, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim berkata bahawa perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti tinggi ini ditawarkan kepada masyarakat adalah dengan hasrat untuk merapatkan lagi hubungan di antara UPM dengan masyarakat sekelilingnya sebagai satu komuniti bistari.

Prof. Syed menyambung, "Hubungan ini juga mencerminkan keprihatinan dan sumbangan UPM ke arah kejayaan hasrat negara untuk menjadi sebuah Negara Taman menjelang tahun 2002"